

# AMALAN MEMBACA DAN MENGHAFAZ SURAH-SURAH DALAM AL-QURAN MURID BERAGAMA ISLAM DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA (The Practice of Reciting and Memorizing Verses of Al-Quran Among The Muslim Pupils)

\*Ajmain@Jima'ain Safar<sup>1</sup>, Muhammad Fikri Norddin<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Islamic Civilization  
Universiti Teknologi Malaysia  
81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia

\*Corresponding author's email: [mfn140689@gmail.com](mailto:mfn140689@gmail.com)

## Article History:

Submit: 3 February 2017

Accepted: 6 February 2017

Revised: 21 February 2017

Published: 16 June 2017

*Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*

*Vol. 1, No. 1 (2017), 45-49*

## Abstrak

Dalam zaman yang mencabar ini, pendidikan agama menjadi pendidikan penting dan wajib dipelajari untuk semua peringkat sekolah khususnya kepada murid yang beragama Islam. Namun begitu, pendidikan agama di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina masih kurang diberikan penekanan yang serius. Hal ini sekaligus membimbangkan pengkaji terhadap pendidikan agama murid-murid beragama Islam di SJKC. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengetahui amalan membaca dan menghafaz surah-surah dalam Al-Quran terhadap murid-murid beragama Islam di SJKC. Kajian ini telah dijalankan terhadap sembilan murid Islam beragama Islam di tiga buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dalam Daerah Johor Bahru. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui temu bual mendalam dan pemerhatian. Dapatan kajian dianalisis secara bertema menggunakan perisian NVivo 11. Hasil dapatan kajian mendapati murid-murid beragama Islam di SJKC mampu membaca dan menghafaz surah-surah yang pendek dan ringkas yang dipelajari di sekolah. Namun begitu, kekerapan murid-murid Islam di SJKC itu sendiri membaca dan menghafaz al-Quran selain di sekolah masih kurang dipraktikkan dan berada pada tahap yang rendah. Oleh yang demikian, pemantauan yang terperinci perlu dijalankan bagi memastikan murid-murid Islam di SJKC terus istiqamah dalam menjalankan amalan harian mereka untuk membaca dan menghafaz al-Quran.

**Kata Kunci:** Amalan, Murid-murid Islam, Membaca al-Quran, Menghafaz al-Quran, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

## Abstract

*In this challenging era, Islamic Education has become an important and compulsory education for all school levels especially for Muslim pupils. However, there is less emphasis on Islamic Education to Muslim pupils in Chinese National Type Schools. This worries the researcher on the Islamic Education among Muslim pupils especially in Chinese National Type Schools. Therefore, the aims of this study are to investigate and identify the practice of reciting and memorizing verses of al-Quran among the Muslim pupils. It involved nine pupils who were from three different Chinese National Type Schools. Interviews were conducted and were supported by the analysis of data through observation during the data collection. This study used NVivo 11 for further analysis. The results showed that the Muslim pupils were able to recite and memorize the simple verses that were learnt in school. However, the numbers of the Muslim pupils who recite and memorized the verses from al-Quran in school were still at a low level. A thorough observation should be conducted to ensure the Muslim pupils to be persevere more in reciting and memorizing al-Quran in their daily life routines.*

**Keywords:** Practice, Islamic Pupils, Primary Chinese School

## 1.0 PENGENALAN

Islam merupakan sebuah agama yang sempurna dan penuh dengan kebaikan. Islam menyuruh umat manusia agar berpegang kepada ajaran yang dibawa oleh al-Quran bagi menjamin kesejahteraan hidup yang bahagia sama ada di dunia mahupun di akhirat. Membaca dan menghafaz al-Quran adalah perbuatan yang amat dituntut dalam kehidupan tanpa mengira faktor usia dan masa. Al-Quran adalah kalam Allah diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W melalui perantaraan malaikat Jibril. Amalan membaca dan menghafaz al-Quran memberikan pahala dan perbuatannya itu dikira ibadah dalam kehidupan. Peranan al-Quran adalah sebagai petunjuk kepada umat manusia terutamanya kepada umat Islam dalam mengatur

kehidupan mereka di muka bumi ini (Ahmad Durrah, 2000). Al-Quran diturunkan oleh Allah S.W.T supaya manusia dapat menjalani kehidupan sebagai hambaNya yang sentiasa berada pada landasan yang benar. Tambahan pula, al-Quran juga menganjurkan umatnya supaya menyuburkan nilai akhlak dalam kehidupan termasuklah nilai kasih sayang sesama manusia, hormat menghormati, bertoleransi dengan pelbagai kaum dan bangsa, mewujudkan keadilan dan keamanan yang sesuai dengan kehendak fitrah dan manusia itu sendiri (Yassir Anang, 2010). Kandungan dalam al-Quran amat lengkap dan mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia termasuklah aspek kerohanian, akidah, akhlak, perundangan dan pelbagai panduan hidup demi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Justeru itu, tuntutan mengamalkan amalan membaca dan menghafaz al-Quran dalam kehidupan adalah suatu kewajipan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan kehidupan yang lebih bermakna dan diredhai Allah. Tuntutan ini termasuklah di dalam kalangan murid-murid beragama Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina kerana mereka merupakan golongan minority di sekolah dan memerlukan bimbingan daripada guru.

## 2.0 KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian lepas mengenai amalan membaca dan menghafaz al-Quran Pendidikan Islam. Antara kajian lepas tersebut adalah kajian Norazmi Maskor (2012), yang bertajuk amalan membaca al-Quran dan hubungannya dengan pencapaian Pendidikan Islam di sekolah rendah kawasan luar bandar negeri Sabah. Berdasarkan kajian ini, pengkaji melihat sendiri hubungan di antara amalan murid di sekolah rendah terhadap pembacaan dan seterusnya mempengaruhi amalan hafazan al-Quran dalam kehidupan mereka terutamanya kepada pencapaian mereka dalam bidang Pendidikan Islam. Selain itu kajian yang dijalankan oleh Wan Mohd Faizal Bin Wan Mohd Ramli (2010), yang bertajuk amalan harian pelajar di dalam kelas kemahiran Al-Quran (KKQ) meningkatkan keupayaan membaca dan menghafaz al-Quran yang menyatakan bahawa amalan bacaan dan hafazan terhadap al-Quran dapat diperbaiki melalui Kelas Kemahiran al-Quran yang dijalankan di sekolah-sekolah khususnya di peringkat sekolah menengah. Seterusnya kajian oleh Fatmawati Mohamed@Ismail (2013), menyatakan amalan hafazan murid terhadap al-Quran mempengaruhi minat murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Sungguhpun terdapat banyak kajian-kajian lain yang dijalankan terhadap amalan membaca dan menghafaz al-Quran, namun begitu sebuah kajian khusus mengenai amalan penghayatan Pendidikan Islam dalam kalangan murid-murid Islam di SJKC masih belum dikaji dan memerlukan kepada kajian yang terperinci dan mendalam bagi menilai sendiri amalan membaca dan menghafaz al-Quran murid-murid Islam di SJKC.

## 3.0 PERNYATAAN MASALAH

Pendidikan asuhan tilawah al-Quran di sekolah memberi penekanan terhadap tiga aspek utama iaitu aspek bacaan, kefahaman dan hafazan sama ada di sekolah Kebangsaan atau sekolah Jenis Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011). Melalui pendidikan al-Quran murid-murid dapat mengetahui akan amalan membaca dan menghafaz al-Quran yang boleh mereka pelajari dan diamalkan dalam kehidupan di sekolah. Namun begitu, masih terdapat ramai lagi murid-murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ini tidak mampu untuk mengamalkan amalan membaca dan menghafaz surah-surah di dalam al-Quran dengan baik. Hal ini dipersetujui oleh Bhasah Abu Bakar (2013), menyatakan bahawa masih terdapat ramai murid-murid Islam di Sekolah rendah tidak dapat membaca dan menghafaz al-Quran dengan sebaiknya semasa belajar di sekolah. Hal ini disebabkan murid-murid masih lagi memerlukan pemantauan dan didikan yang berterusan daripada semua pihak sama ada guru di sekolah mahupun ibu bapa di rumah. Murid-murid yang berada di sekolah, mereka dapat dipantau dapat mempelajari beberapa ilmu berkaitan dengan bidang asuhan tilawah al-Quran, namun begitu sekiranya mereka berada di rumah ada diantara ibu bapa dan penjaga yang memandang remeh akan soal pendidikan agama kepada anak-anak mereka dan menyebabkan mereka tidak dapat mengamalkan sepenuhnya ilmu yang dipelajari dan dihayati disekolah. Hal ini selari dengan kajian Linda Mohamed (2013), bahawa pendidikan al-Quran yang bermula dari rumah akan memudahkan murid-murid menghayati dan memahami ilmu yang dipelajari di sekolah sekaligus memberi impak yang positif terhadap amalan membaca dan menghafaz surah-surah dalam al-Quran terhadap murid-murid Islam di SJKC.

#### 4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian

- i. Melihat sejauhmana amalan membaca surah-surah pilihan dalam al-Quran terhadap murid beragama Islam di SJKC.
- ii. Melihat sejauhmana amalan menghafaz surah-surah pilihan dalam al-Quran terhadap murid beragama Islam di SJKC.

#### 5.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan cara atau kaedah yang dijalankan bagi mendapatkan jawapan kepada kajian yang dijalankan berdasarkan kepada analisis yang dibuat di dalam sesebuah kajian (Sidek Mohd.Noah, 2000). Pemilihan metodologi yang betul akan memudahkan sesebuah kajian dijalankan. Kajian yang dijalankan ini adalah sebuah kajian kualitatif sepenuhnya. Responden kajian ini adalah terdiri daripada sembilan orang murid beragama Islam yang terdiri daripada tiga orang murid bagi setiap Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Kajian ini menggunakan instrumen temu bual sebagai instrumen utama dan diikuti dengan instrumen pemerhatian ke atas murid-murid di SJKC. Hal ini adalah kerana penggunaan instrumen temu bual di dalam kajian kualitatif adalah instrumen yang paling berkesan kerana kajian ini memerlukan kepada penjelasan dan huraian yang jelas terhadap sesuatu kajian yang dijalankan (Connway & Powell, 2010). Senarai semak kepada temu bual telah dibuat terlebih dahulu dalam memastikan soalan yang diajukan kepada murid-murid adalah bersesuaian dengan jawapan kepada permasalahan kajian yang dijalankan. Senarai semak telah mendapat persetujuan tiga orang pakar terlebih dahulu bagi memastikan kesesuaian soalan yang akan ditemu bual kepada murid-murid tersebut. Penilaian kepada pengesahan pakar adalah mengikut kepada pengukuran *Cobhen Kappa* (Michaela Hoffman, 2013). Setelah temu bual dijalankan, temu bual akan dipindahkan ke dalam bentuk transkrip dan dikodkan serta diberikan sub tema dan juga sub-sub tema yang berkaitan dan dianalisis sepenuhnya dengan menggunakan perisian N'Vivo 11. Menerusi kajian ini tema yang menepati pola diterima sekiranya lima daripada sembilan responden bersetuju dengan tema yang dinyatakan oleh pengkaji dalam kajian yang dijalankan.

#### 6.0 DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian pengkaji mendapati lima daripada sembilan responden kajian boleh menghafaz surah-surah dalam al-Quran yang telah dipelajari di sekolah. *"Saya dah ingat dari dulu lagi...dari saya darjah 2...biasanya macam Surah Al-Fatihah, Surah An-Nas dan lain-lain."*(M3S1:TB:2016:91:92); *"Saya hafal yang senang-senang nak ingat sahaja...yang pendek dan mudah nak hafal."* (M1S2:TB:2016:75:102); *"Saya hafal yang senang-senang dan yang paling penting saya boleh amal dalam kehidupan pun cukup."* (M3S2: TB: 2016: 74: 89); *"Sekarang dah boleh saya hafal beberapa surah..."*(M2S3: TB: 2016: 69: 90); *"Kelas hafazan yang Ustaz buat kat sekolah memang membantu."* (M3S3: TB: 2016: 67: 93); ADS1: 2016: 18: 88; ADS2: 2016: 18: 67; ADS3: 2016: 18: 69).

Jadual 6.1 Amalan menghafaz al-Quran murid-murid beragama Islam di SJKC.

TEMA / ITEM	M1	M2	M3	M1	M2	M3	M1	M2	M3
	S1	S1	S1	S2	S2	S2	S3	S3	S3
1 .Menghafaz surah yang telah dipelajari dalam kelas	-	-	X	X	-	X	-	X	X

Hasilnya lima daripada sembilan responden sudah boleh membaca al-surah-surah dalam al-Quran dan mengamalkannya di dalam ibadah solat seharian *"Bila saya solat sendiri, biasanya saya akan baca ayat-ayat atau surah yang pendek dan mudah dan telah saya ingat..."* M1S1: TB: 2016: 102: 128); *"Semasa dalam solat saya baca surah yang memang saya dah ingat dan hafaz dari sekolah..."* (M3S1: TB: 2016: 90: 92); *"Tapi dalam solat, biasanya saya membaca ayat-ayat yang senang saya ingat..."* (M1S2: TB: 2016: 75: 102); *"Kalau kat rumah biasanya saya ikut ayah atau ibu saya baca surah dalam solat..."* (M2S2: TB: 2016: 76: 97); *"Kalau dalam solat surah Al-Fatihah memang kita ada baca..."* (M2S3: TB: 2016: 69: 90); OS3: 2016: 52: 63). Namun begitu, terdapat empat daripada lima tema yang tidak dapat diamalkan sepenuhnya oleh murid-murid bergama Islam di SJKC iaitu tema membaca al-Quran semasa di rumah, membaca al-Quran di surau sekolah, mengikut bacaan imam dalam solat, membaca al-Quran sebelum tidur, serta membaca ayat-ayat yang mudah. Hal ini disebabkan oleh kurangnya penekanan terhadap kepentingan membaca dan menghafaz al-Quran di rumah yang perlu dipraktikkan oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka dan mereka hanya bergantung sepenuhnya kepada pendidikan agama yang diberikan di sekolah sahaja.

Jadual 6.2 Amalan membaca al-Quran murid-murid beragama Islam di SJKC


TEMA / ITEM	M1	M2	M3	M1	M2	M3	M1	M2	M3
	S1	S1	S1	S2	S2	S2	S3	S3	S3
1. Membaca al-Quran di dalam Solat	X	-	X	X	X	-	-	X	-
2. Membaca al-Quran di Rumah	-	X	-	-	X	-	-	-	-
3. Membaca al-Quran di surau Sekolah	-	X	-	-	X	-	-	-	-
4. Menghayati bacaan imam	-	-	-	X	X	-	-	-	-
5. Membaca al-Quran sebelum Tidur	X	X	-	-	-	-	-	-	-
6. Membaca ayat-ayat mudah	-	X	-	X	-	-	-	-	-

## 7.0 PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian, seramai lima daripada sembilan responden murid-murid beragama Islam di SJKC mampu untuk membaca dan menghafal beberapa surah-surah yang telah dipelajari dalam kelas dan mengamalkannya di dalam kehidupan seperti dalam solat. Bagi murid-murid yang kebiasannya didedahkan dengan amalan membaca dan menghafaz al-Quran akan mudah bagi mereka untuk mengamalkannya dalam kehidupan. Hal ini secara tidak langsung dapat menjadikan murid-murid lebih memahami dan meningkatkan minat mereka untuk menghafaz lebih banyak lagi surah-surah di dalam al-Quran lebih-lebih lagi bagi surah yang telah dipelajari di sekolah (Rohani Ahmad Tarmizi, Mohd Aderi Che Noh, 2008). Kajian Zawawi Yusoh (2011) juga menyatakan amalan menghafaz surah-surah pilihan di sekolah sememangnya dapat membantu murid-murid untuk menghafaz surah-surah dengan mudah serta dapat mengamalkan ayat-ayat hafazan mereka dalam kehidupan seharian. Bagi memastikan tahap pencapaian yang baik terhadap bacaan dan hafazan, maka murid perlu berusaha dan mendapat bimbingan yang sebaiknya daripada semua pihak seperti guru dan ibu bapa dalam memastikan mereka tidak tercicir untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna. Tambahan pula membaca dan menghafaz al-Quran memerlukan bimbingan yang mendalam dan kepakaran daripada pihak yang bertauliah untuk mengajar dan mendidik mereka menjadi insan yang berguna suatu masa nanti. bahkan adalah lebih baik sekiranya mereka turut bersama-sama membantu rakan-rakan yang lain di sekolah mahupun ahli keluarga yang berada di rumah. Hal ini selari dengan kajian Zilal Saari(2010), meytakan bahawa terdapat elemen ibu bapa dan guru yang boleh membawa kepada kesan yang positif terhadap amalan bacaan dan hafazan murid-murid Islam yang mendapatkan pendidikan di sekolah. Lima item yang tidak menepati tema disebabkan oleh kurangnya pendedahan dan pemantauan yang diberikan kepada murid-murid beragama Islam di SJKC. Amalan membaca dan menghafaz dalam kalangan murid memberi impak yang besar kepada guru Pendidikan Islam itu sendiri khususnya dalam mencapai objektif kajian dalam setiap sesi pengajaran dan pembelajaran melalui rancangan pengajaran harian yang telah ditetapkan. Selain itu, amalan ini juga turut dijalankan di Sekolah Kebangsaan melalui Program Tasmik yang kini telah dimasukkan di dalam jadual mengajar bagi guru-guru Pendidikan Islam. Perbezaannya adalah pelaksanaan kelas Tasmik di Sekolah kebangsaan lebih sistematik dan teratur dengan bantuan Guru Pendidikan Islam yang ramai berbanding di SJKC.

## 8.0 MODEL KAJIAN

Model pada Rajah 1 di atas menunjukkan secara ringkas bentuk amalan bacaan dan hafazan harian dalam kalangan murid bergama Islam terhadap surah-surah di dalam al-Quran yang menjadi amalan dalam kehidupan mereka. Daripada model di atas dua perkara utama yang menjadi amalan murid Islam di SJKC adalah dari aspek hafazan dan bacaan. Murid-murid Islam di SJKC mampu menghafaz surah-surah yang telah dipelajari di SJKC dan membaca surah tersebut di dalam solat sebagai amalan



Rajah 1 Model Amalan Membaca dan Menghafaz surah-surah dalam al-Quran terhadap Murid Beragama Islam SJKC

## 9.0 KESIMPULAN

Amalan adalah sesuatu tindakan dalam kehidupan yang perlu di buat oleh setiap insan dalam kehidupan. Dalam kajian ini, amalan merujuk kepada perkara yang perlu diamalkan dalam kalangan murid-murid bergama Islam di SJKC terhadap surah-surah di dalam al-Quran yang telah dipelajari di sekolah. Hasil kajian mendapati murid-murid Islam di SJKC sebenarnya berpotensi tinggi untuk membaca dan menghafaz surah-surah di dalam al-Quran walaupun mereka mendapatkan pendidikan agama di sekolah yang mempunyai jumlah bilangan murid Islam yang kecil atau sebagai golongan minoriti. Namun begitu, terdapat pelbagai kekangan sehingga menyebabkan sesuatu amalan yang mudah itu menjadi sukar untuk dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Hal ini termasuklah kepada amalan membaca dan menghafaz surah-surah dari al-Quran dalam kalangan murid beragama Islam di SJKC. Murid-murid Islam di SJKC seharusnya dijalankan pemantauan dan bimbingan yang berterusan dalam memastikan mereka terus istiqamah menjalankan amalan dengan sebaiknya sehingga boleh dijadikan rutin harian dalam kehidupan mereka. Justeru itu, adalah wajar bagi semua pihak terutamanya ibu bapa dan guru hendaklah bekerjasama dalam memastikan murid-murid ini tidak terbiar dan leka dengan peredaran zaman yang begitu melalaikan. Pengisian kehidupan murid-murid ini dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah akan menjadikan mereka seorang insan yang mampu berfikir dan dapat membezakan antara baik dan buruk serta insan yang berguna dan beramal dengan kebaikan demi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

## 10.0RUJUKAN

- Anang, Y. (2010). Persepsi pelajar terhadap program membudayakan al-Quran dalam meningkatkan tahap keupayaan pembacaan al-Quran mengikut hukum tajwid: satu kajian di SMK Dato Bentara Luar. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai: Tesis Sarjana
- Bakar, B. A. (2011). Kemahiran membaca al-Quran dan hubungannya dengan pencapaian Pendidikan Islam di sekolah rendah kawasan luar bandar negeri Sabah. Universiti Utara Malaysia, Perlis, Tesis Sarjana.
- Connway & Powell (2010). Basic Research Method For Librarians, United Kingdom; pp111-114
- Michaela Hoffman, (2013). Cohhen Kappa as as method for Link Prediction: Oxford Publisher.
- Durrah, A. (2002). Ensiklopedia Metodologi al-Quran (Vol. 6). Indonesia: Kalam Publika.87-94.
- Malaysia, K. P. (2011). Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan.
- Maskor, N.A. (2012). Penghayatan Agama Islam Di Malaysia Bidang al-Quran. Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Tesis Sarjana.
- Mohamed, L. (2013). Pendidikan al-Quran kanak-kanak. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi: Tesis Sarjana Pendidikan Islam
- Mohamed@Ismail, F. (2013). Kaedah pengajaran hafazan al-Quran dan hubungannya dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Universiti Utara Malaysia, Perlis: Tesis Sarjana
- Mohd Aderi Che Noh, R. A. T. (2009). Persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran tilawah al-Quran. Jurnal of Islamic Education, 24(4). pp41-48.
- Noah, S. (2009). Persepsi Pelajar Sekolah Mengenai Pengajaran Asuhan Tilawah al-Quran. Jurnal Pendidikan Islam, pp63-79.
- Ramli, W. M. F. W. (2010). Persepsi pelajar terhadap kelas kemahiran Al-Quran (KKQ) dalam meningkatkan kemahiran Al-Quran. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Saari, Z. (2010). Faktor-faktor penyumbang kelemahan membaca Al-Quran dalam kalangan pelajar SMK. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai: Tesis Sarjana